

Bahasa
Melayu
Ogos / Sept
2010
2 ½ jam

Nama Pelajar :
Tingkatan :



JABATAN PELAJARAN KELANTAN
DENGAN KERJASAMA
PERSIDANGAN KEBANGSAAN PENGETUA-PENGETUA
SEKOLAH MENENGAH MALAYSIA
CAWANGAN KELANTAN

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM
TINGKATAN 5 (2010)

BAHASA MELAYU
KERTAS 2
Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi empat soalan.*
2. *Juab semua soalan.*
3. *Jawapan bagi Soalan 2(b), Soalan 2(c), Soalan 2(d) dan Soalan 4 berdasarkan teks Komponen Kesusasteraan Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.*
4. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

Soalan 1: Rumusan

[30 markah]

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang masalah pengangkutan awam pada musim perayaan dan kesannya kepada pengguna. Panjang rumusan anda hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

Penambahan bas ekspres bagi menampung keperluan orang ramai pulang ke kampung sempena sambutan Aidilfitri tahun ini pasti melegakan banyak pihak, khususnya mereka yang tidak mempunyai kenderaan sendiri. Pengumuman pengurusan Konsortium Transnasiona Berhad yang memperuntukkan sejumlah 36,000 tiket untuk bas tambahan selain tiket perkhidmatan bas sedia ada, dijangka membolehkan mereka yang berpendapatan rendah dan sederhana pulang beraya bersama-sama ibu bapa dan saudara mara di kampung tanpa sebarang masalah. Sebelum ini, pelbagai kenyataan dikeluarkan berhubung dengan ketiadaan bas tambahan beroperasi pada musim perayaan ekoran daripada keengganan pihak berkuasa mengeluarkan permit baharu untuk bas tambahan. Situasi ini menimbulkan kekusaran banyak pihak, terutama mereka yang merancang untuk pulang berhari raya dengan pengangkutan awam.

Setiap tahun sejak sekian lama, kemelut berkaitan dengan bas untuk pulang berhari raya tidak pernah berakhir. Pengguna menjadi mangsa kerana terpaksa bersesak-sesak di kaunter untuk mendapatkan tiket bas sejak awal Ramadan lagi. Sepatutnya, agensi kerajaan dan pengusaha bas mempunyai mekanisme lebih baik dalam menangani masalah yang sama setiap kali menjelang perayaan besar dan cuti sekolah. Perkara ini berlaku seolah-olah tidak ada usaha konkrit dilakukan bagi memastikan urusan tiket dan bas, termasuk bas tambahan berjalan lancar. Musim perayaan tidak harus dijadikan sebagai musim 'memeras' oleh pengusaha bas dengan mengenakan tambang terlalu tinggi atau tidak mengadakan perkhidmatan tambahan. Kita juga berharap pada musim perayaan ini, tidak ada lagi rungutan pengguna mengenai bas yang disediakan tidak diselenggarakan dengan baik sehingga mengundang bahaya kepada penumpang. Kita tidak mahu bas yang disediakan tidak dilindungi insurans atau lewat tiba di terminal kerana tidak mengikut jadual yang ditetapkan.

Kita menyambut baik jaminan Persatuan Pengusaha Bas Seluruh Malaysia bahawa orang ramai yang ingin pulang ke destinasi masing-masing tidak perlu risau kerana tiket bas mencukupi. Selain itu, Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) turut membuat penambahan 15,000 tiket bagi perjalanan ke seluruh negara bagi memastikan pengguna dapat pulang berhari raya. Ekoran jaminan pengusaha bas dan kereta api itu, seharusnya orang ramai yang ingin pulang ke kampung kali ini tidak berdepan dengan masalah. Cuma kita berharap agar semua pihak melaksanakan tanggungjawab masing-masing sebaik mungkin bagi memastikan perjalanan bas ekspres dalam keadaan selamat dan penumpang dapat sampai di destinasi masing-masing untuk menyambut Aidilfitri.

(Dipetik dan diubahsuai daripada *Minda Pengarang*,
Berita Harian, September 2008)

Soalan 2 : Pemahaman

Soalan 2(a)- Petikan Umum

Berdasarkan petikan soalan 1, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Berikan maksud rangkai kata "menimbulkan kekusaran" berdasarkan petikan di atas?
[2 markah]
- (ii) Bagaimanakah tindakan pihak pengusaha pengangkutan awam untuk memastikan orang ramai dapat pulang berhari raya?
[3 markah]
- (iii) Sekiranya anda pemilik syarikat bas ekspres, apakah tindakan untuk meningkatkan mutu perkhidmatan syarikat anda?
[4 markah]

Soalan 2(b) - Petikan Cerpen

Baca petikan cerpen di bawah dengan teliti dan kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

“Hentikan madah pincangmu, Strenn.” Eyrique membentak. “Aku kembali untuk menuntut hakku yang telah kau rampas!”

“Ya? Yang mana satu? Banyak juga milikmu yang telah kurampas, termasuk kekasihmu, Sarlyn!” ketawa besar menjadi penutup bicaranya. Perasaan Eyrique semakin panas. Mujur fikirannya masih bertakhta di hati. Dia tahu Strenn memahami maksudnya.

Masih jelas dalam ingatan Eyrique bagaimana konco-konco Strenn telah menculik dan menyembunyikannya pada malam dia akan ditabalkan sebagai pengganti ayahandanya. Strenn mahu menguasai Mahligai Alstonia sepenuhnya. Perpisahannya dengan Annyss tambah melemahkan tenaga yang wujud di dalam dirinya.

Tetapi malam ini tidak lagi. Malam ini malam penghujung bintang Gemini bermain di angkasa raya. Pada malam ini 22 tahun dahulu, telah lahir sepasang anak kembar sebagai pewaris takhta Alstonia.

“Penyatuan kuasa kau dan Annyss mampu menumpaskan seteru terhandal di Alstonia”. Pesanan bondanya masih terpaku di dinding ingatan.

(Dipetik daripada
'Annyss Sophillea')

oleh Nisah Haji Haron dalam antologi *Anak Laut*,
Dewan Bahasa dan Pustaka)

- (i) Berdasarkan petikan, apakah hak-hak yang dirampas oleh Strenn daripada Enyrique?
[3 markah]
- (ii) Sekiranya anda Enyrique, bagaimanakah cara untuk mendapatkan hak anda semula tanpa persengketaan?
[3 markah]
- (iii) Huraikan satu nilai yang terdapat dalam petikan dan dua nilai yang terdapat dalam keseluruhan cerpen?
[3 markah]

Soalan 2(c) - Petikan Prosa Klasik

Baca petikan prosa klasik di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Maka kata Hang Jebat, “Hai Laksamana, sekarang ini apa bicaramu?” Maka kata Laksamana, “Hai Si Jebat derhaka, mari kita muafakat sama menyarungkan keris dahulu! Maka kita berdua berusung talam, kita letakkan di tengah ruang ini; maka bertikam di atas talam itu supaya terpelihara kaki kita kedua daripada radak orang itu.”

Demi didengar kata Laksamana itu, maka Hang Jebat pun menyarungkan kerisnya. Maka Laksamana pun menyarungkan kerisnya, maka berjalanlah keduanya masuk ke dalam perbendaharaan raja itu. Maka dilihatnya talam ada beratus-ratus. Maka dipilihnya empat buah talam yang besar seperti ruang istana itu, maka diusungnya bawa keluar maka diletakkan pada tengah ruang istana itu. Maka diambilnya permaidani yang berpakaian emas itu dihamparkannya di atas talam itu berhenti, tetapi Laksamana orang bijaksana; sungguhpun ia duduk berhadapan dengan Hang Jebat itu, matanya mengerling-ngerling pada hulu keris Hang Jebat juga. Akan Hang Jebat pun terlalu ingat, matanya seperti helang hendak menyambar, tangannya tiada lepas daripada hulu kerisnya, digamak-gamaknya. Maka Laksamana pun *tiada endah lakunya* duduk itu.

(Dipetik daripada
“Pertarungan Tuah dengan Jebat”
dalam antologi *Anak Laut*,
Dewan Bahasa dan Pustaka)

- (i) Apakah maksud rangkaian kata *tiada endah lakunya* berdasarkan petikan di atas?
[2 markah]
- (ii) Berdasarkan petikan, nyatakan tindakan-tindakan yang menggambarkan kerjasama antara Hang Tuah dengan Hang Jebat?
[3 markah]
- (iii) Pada pendapat anda, nyatakan kepentingan muafakat dalam menjalankan sesuatu urusan?
[3 markah]

Soalan 2(d)- Petikan Puisi Tradisional

Baca puisi di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

SYAIR KELEBIHAN ILMU

Ilmu itulah gemala sakti,
Sinarnya cerah cahaya sejati,
Asal puncanya lamun didapati,
Sukar bercerai sehingga mati.

Harganya tidak dapat dinilai,
Sebuah dunia belinya bukan,
Kuasanya besar sukat digunakan,
Di laut di darat di rimba di pekan.

Masa seorang ialah taulan,
Teman berbeka suluh berjalan,
Masa berhimpun ia pengenalan,
Hias penyata polan si polan.

Bagi yang duka ia penghibur,
Ia penerang bagi yang kabur,
Ialah kandil di dalam kubur,
Lamun dengannya beramal subur.

Ia penerang jalan ke syurga,
Ia pemuas tekak yang dahaga,
Ialah sungai ialah telaga,
Laut yang luas ialah juga.

Ialah alat sangat berguna,
Idamar orang yang bijaksana,
Hamparnya luas amat saujana,
Tepinya ajal sempadannya fana.

Za'ba

Puisi Warisan, 1994.

Dewan Bahasa dan Pustaka.

- (i) Berikan bukti yang menunjukkan ilmu itu sangat berharga berdasarkan rangkap kedua syair di atas?
[3 markah]
- (ii) Pada pendapat anda, bagaimanakah cara untuk mendapatkan ilmu?
[3 markah]
- (iii) Nyatakan tiga pengajaran yang terdapat dalam syair di atas?
[3 markah]

Soalan 3 : Pengetahuan Dan Kemahiran Bahasa

[30 markah]

Jawab semua soalan

(a) Tulis satu ayat bagi perkataan di bawah ini untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.

- (i) pulang
- (ii) sepulang
- (iii) terpulang
- (iv) pulangan
- (v) kepulangan
- (vi) memulangkan

[6 markah]

(b) Tukarkan cakap pindah di bawah dalam bentuk cakap ajuk. Anda dikehendaki supaya mengekalkan susunan isi dalam dialog tersebut.

Dengan meninggikan nada suaranya, Husna memberitahu Anis supaya mandi dengan segera kerana ada orang ingin berjumpa dengannya. Sambil menjerit dari dalam bilik air, Anis ingin tahu tentang orang itu. Dengan nada yang kuat juga, Husna menyatakan bahawa dia tidak mengenali akan orang itu tetapi orang itu mengakui bahawa dia ayah Anis. Anis sekali lagi menginginkan kepastian sama ada betul atau tidak dan meminta agar Husna tidak mempermain-mainkannya. Seterusnya, Anis ingin tahu tempat ayahnya sedang menunggu. Sambil berlalu, Husna menyatakan bahawa ayah Anis sedang menunggu di kantin.

[6 markah]

(c) Dalam petikan di bawah terdapat tiga kesalahan ejaan dan tiga kesalahan penggunaan imbuhan. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada tiga kesalahan ejaan dan tiga kesalahan penggunaan imbuhan. Anda tidak perlu menyalin petikan itu semula.

Selsema dalam kalangan kanak-kanak diikuti demam dan batuk merupakan perkara biasa yang dialami pada beberapa tahun pertama hidup seseorang kanak-kanak itu. Walaubagaimanapun, jika gejala ini berpanjangan dan bertambah dengan rasa sakit yang akut mungkin menunjukkan anak berkenaan bukan sekadar mengidap demam biasa, sebaliknya ibu bapa perlu berwaspada kerana besar kemungkinan itu tanda anak itu mengalami influenza.

[6 markah]

(d) Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Isu keracunan makanan dapat diatasi jika sekiranya semua pihak menjalankan peranan yang sewajarnya.
- (ii) Kerja-kerja membaik pulih jejambat Lebu Raya Lingkaran Tengah 2 akan diambilalih oleh syarikat perunding daripada Jerman dalam masa terdekat ini.
- (iii) Sungguhpun saya bukan berpelajaran tinggi, banyak pendapat yang berikan oleh saya itu mengagumkan para peserta.

[6 markah]

(e) Nyatakan satu peribahasa yang sesuai bagi mengisi tempat kosong dalam ayat di bawah.

- (i) Sangatlah susah bagi anak-anak dan cucu orang tua itu melayaninya. Orang tua itu umpama yang tidak dipakai lagi tetapi tidak boleh dibuang.
- (ii) Hatinya hancur bagai setelah mengetahui dirinya telah dibohongi sahabat karibnya sendiri.
- (iii) Kemalangan jalan raya yang menimpa suaminya dan diikuti pula kematian anak tunggalnya menyebabkan Joyah berada dalam kedukaan. Situasi yang menimpa Joyah boleh diibaratkan seperti.....

[6 markah]

Soalan 4 : Novel

[15 markah]

Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel- novel yang berikut:

- (i) Di Hadapan Pulau
- (ii) Putera Gunung Tahan

- (a) Berdasarkan sebuah novel yang telah anda pelajari, jelaskan dua peristiwa yang menunjukkan semangat tolong- menolong yang berlaku dalam masyarakat.

[7 markah]

- (b) Berdasarkan dua buah novel yang telah anda pelajari, huraikan satu kegiatan ekonomi masyarakat dalam setiap novel.

[8 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT